

KUALA LUMPUR, 6 JULAI (BERNAMA) -- KERAJAAN PUASHATI KEJAYAAN YANG DICAPAI OLEH PELAJAR-PEAJAR BUMIPUTRA DI FAKULTI-FAKULTI BERALIRAN SAINS DI UNIVERSITI MALAYA. KATA MENTERI PELAJARAN DR. MAHATHIR.

BELIAU MEMBERITAHU DEWAN RAKYAT, KEBANYAKAN PARA PELAJAR BUMIPUTRA ITU YANG MEMPUNYAI KELAYAKAN MINIMA DI TEMPATKAN UNTUK MENGAMBIL KURSUS-KURSUS PERSEDIaan SEPERTI PRA-KEJURUTERAAN, PRA-PERUBATAN DAN PRA-SAINS.

TEMPOH BAGI KURSUS-KURSUS INI TALAH SELAMA SATU TAHUN DAN BERTUJUAN UNTUK MEMPERBAIKI PENGETAHUAN ASAS MEREKA DALAM MATA-PELAJARAN-MATAPELAJARAN SAINS.

KURSUS-KURSUS INI DISEDIAKAN SECARA KHAS DAN INTENSIF UNTUK MEMBOLEHKAN MEREKA MEMASUKI TAHUN PERTAMA BAGI KURSUS YANG DIAMBILNYA DALAM FAKULTI-FAKULTI BERALIRAN SAINS. KATANYA MENJAWAB PERTANYAAN DR. HEE TIEN LAI (AYER HITAM) SEWAKTU SOAL-JAWAB. -- BERSAMBUNG 1534/AI

B553:

PARLIMEN-PELAJARAN 2 KUALA LUMPUR

DR. HEE BERTANYA APAKAH KEMENTERIAN PELAJARAN PUASHATI TENTANG PENCAPAIAN-PENCAPAIAN PARA PELAJAR BUMIPUTRA ALIRAN SAINS DI UNIVERSITI MALAYA YANG MEMASUKI UNIVERSITI ITU DENGAN KELAYAKAN-KELAYAKAN MINIMA.

DR. MAHATHIR BERKATA DALAM PEPERIKSAAN TAHUNAN SESSI 1975/76. PARA PELAJAR BUMIPUTRA YANG DITERIMA MASUK ANTARA SESSI-SESSI 1973/74 DAN 1975/76 TELAH MENCAPI KADAR KELULUSAN SEPERTI BERIKUT:-

PERGIGIAN - 97.4 PERATUS
KEJURUTERAAN - 77.4 PERATUS
SAINS - 84.9 PERATUS. DAN
PERUBATAN - 97.1 PERATUS.

MELIHAT KEPADA PERANGKAIAN-PERANGKAIAN ITU, KATANYA BELIAU PUASHATI DENGAN KEJAYAAN MEREKA DAN LEBIH BERPUASHATI LAGI KERANA IANYA SEMAKIN BERTANBAH BAIK. -- BERSAMBUNG 1555/AI

B554:

PARLIMEN-PELAJARAN 3 KUALA LUMPUR

MENJAWAB PERTANYAAN HAJI ZAKARIA ISMAIL (RANTAU PANJANG), DR. MAHATHIR MEMBERITAHU BAHAWA KESULITAN MENDAPATKAN BUKU-BUKU TEKS TIDAK SAJA DIHADAPI OLEH SEKOLAH-SEKOLAH UGAMA RAKYAT, KADANGKALA KESULITAN ITU JUGA DIHADAPI OLEH SEKOLAH-SEKOLAH KERAJAAN.

BELIAU MENASIHATKAN PIHAK SEKOLAH-SEKOLAH UGAMA RAKYAT DAN SWASTA BERHUBUNG TERUS DENGAN PARA PENERBIT BERKENAAN APABILA MENGHADAPI KESUKARAN MENDAPATKAN BUKU-BUKU TEKS ITU.

BELIAU SENDIRI TELAH MENGARAHKAN SEMUA PENGARAH PELAJARAN NEGERI DALAM MINGGU KEDUA BULAN FEBRUARI UNTUK MENGHUBUNGI SEMUA SEKOLAH MENGENAI MASALAH ITU. -- BERSAMBUNG 1558/AI

EE

B555:

PARLIMEN-PELAJARAN 4 KUALA LUMPUR

MENJAWAB PERTANYAAN ENCIK CHIAN HENG KAI (DAP-BATU GAJAH) BELIAU BERKATA KEJAYAAN AKADEMIK YANG MENJADI SYARAT MASUK MANA-MANA MAKTAB PERGURUAN TINGGI BERENDAH-RENDAHNYA LULUS SPM/MCE/SC/SPM.

UNTUK KURSUS BAGI GURU-GURU YANG MENGAJAR DI SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (CHINA) HANYA MEREKA YANG MEMILIKI KEPUJIAN DALAM BAHASA CHINA PERINGKAT SPM/MCE/SC SAJA YANG DIPERTIMBANGKAN.

KEUTAMAAN DIBERI KEPADA MEREKA YANG DISAMPING MEMILIKI KEPUJIAN DALAM BAHASA CHINA. MEMILIKI JUGA KEPUJIAN DALAM SASTRA CHINA PERINGKAT SPM/MCE/SC.

DR. MAHATHIR JUGA MENJELASKAN BAHAWA KEMENTERIAN PELAJARAN TIDAK BERCADANG UNTUK MENGIKHTAF SIJIL-SIJIL JUNIOR MIDDLE THREE DAN SENIOR MIDDLE THREE YANG DIKELUARKAN OLEH PERSATUAN SEKOLAH-SEKOLAH PERSENDIRIAN CHINA. -- BERSAMBUNG 1605/A1

EE

B560:

PARLIMEN-PELAJARAN 5 KUALA LUMPUR

MENJAWAB PERTANYAAN ENCIK AZHARUL ABIDIN HAJI ABDUL RAHIM (BN-BATANG PADANG). DR. MAHATHIR BERKATA TIDAK ADA BIASISWA YANG DITAWARKAN KEPADA PELAJAR BUMIPUTRA DI KOLEJ TUNKU ABDUL RAHMAN (KTAR).

BELIAU JUGA MEMBERITAHU BILANGAN PARA PELAJAR DI KOLEJ ITU SEHINGGA AKHIR JUN TALAH 4.548 CRANG.

DARI BILANGAN ITU PELAJAR BUMIPUTRA 52 ORANG. INDIA 234 CRANG. CHINA 4.250 ORANG DAN LAIN-LAIN KAUM ENAM ORANG.

KATANYA PERJALANAN KOLEJ ITU ADALAH BERDASARKAN KEPADA SURAT-CARA KERAJAAN YANG DIJUAL MENGIKUT AKTA PELAJARAN 1961 DAN DILULUSKAN OLEHNYA. -- BERNAMA 1610/AB